



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PELAJAR, KELUARGA DAN SEKOLAH SERTA HUBUNGANNYA DENGAN PENCAPAIAN DALAM MATA PELAJARAN MATEMATIK



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MOHAMAD FAYYAZ BIN M FAROUK

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2012



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PELAJAR, KELUARGA DAN SEKOLAH SERTA HUBUNGANNYA DENGAN PENCAPAIAN DALAM MATA PELAJARAN MATEMATIK

MOHAMAD FAYYAZ BIN M. FAROUK[†]



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ii

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

03.02.2012


.....
MOHAMAD FAIZYAZ BIN M. FAROUK
M20091000528



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah, dengan keizinanNya saya dapat menyiapkan disertasi ini dengan sempurna.

Saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya Dr Mohd Uzi Bin Dollah yang telah memberi bimbingan dan nasihat yang berguna sepanjang proses menyiapkan disertasi ini. Saya amat mengagumi dan menghargai kesediaan dan kemampuan beliau dalam meluangkan masa demi memberi tunjuk ajar kepada saya. Tidak ketinggalan kepada Dr Sazelli Abd Ghani, Prof Madya Dr Noor Shah Saad dan pensyarah-pensyarah lain yang mengajar dan membimbang saya, jasa dan bakti kalian tidak akan saya lupakan.

Seterusnya ucapan terima kasih dan penghargaan ditujukan kepada Bahagian Tajaan, Kementerian Pelajaran Malaysia atas penganugerahan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP 2009), Jabatan Pelajaran Negeri Selangor, Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Selangor dan khususnya kepada sekolah-sekolah yang telah banyak memberi kerjasama dalam tempoh penyelidikan saya. Semoga bantuan dan kerja sama dari pihak tuan akan mendapat keberkatan Allah S.W.T.

Akhir sekali, saya tujukan juga ucapan terima kasih dan penghargaan kepada isteri saya Zalifah Anum Bt Abd. Rashid yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan. Juga kepada anak-anak yang disayangi Muhammad Farees, Farah Firzana dan Muhammad Fiqrie, terima kasih kerana memahami dan berkorban dalam memberi ruang kepada saya menyiapkan disertasi ini.





ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan di antara persepsi pelajar terhadap diri sendiri, keluarga dan sekolah dengan pencapaian dalam mata pelajaran matematik. Sejumlah 346 orang pelajar tingkatan empat dari empat buah sekolah di daerah Hulu Selangor terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Kajian ini berbentuk kuantitatif dan kualitatif. Dapatkan kajian diperoleh berdasarkan soal selidik yang dijawab oleh responden kajian. Kajian ini juga melibatkan tiga orang pelajar sebagai responden kajian untuk temu bual. Markah ujian Percubaan PMR bagi mata pelajaran matematik digunakan untuk mengukur pencapaian. Ujian Korelasi Pearson dan Ujian Regresi Pelbagai digunakan untuk menganalisis data. Hasil kajian mendapati terdapat hubungan positif yang signifikan di antara ketiga-tiga persepsi yang dikaji dengan pencapaian dalam mata pelajaran matematik. Persepsi pelajar terhadap diri sendiri, keluarga dan sekolah mempunyai pengaruh yang kuat ke atas pencapaian pelajar dalam mata pelajaran matematik. Di antara ketiga-tiga persepsi tersebut, didapati persepsi pelajar terhadap diri sendiri merupakan faktor peramal yang paling kuat yang boleh menentukan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran matematik. Hasil dapatkan temu bual dengan tiga orang pelajar menunjukkan bahawa pencapaian mereka dalam mata pelajaran matematik dipengaruhi oleh faktor sekolah dan faktor pelajar. Dua orang pelajar berpendapat bahawa sekolah merupakan faktor utama yang boleh menentukan pencapaian mereka dalam mata pelajaran matematik. Manakala seorang pelajar berpendapat bahawa faktor pelajar merupakan faktor utama yang boleh menentukan pencapaian mereka dalam mata pelajaran matematik.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify the relationships between students perception about their self, parent and school with their mathematics performance. A total of 346 students from four schools in the district of Hulu Selangor participated in this study. This study is a mix method study where questionnaires and interviews are used as a method of collecting data. Quantitative data collected by using questionnaires while qualitative data involved three students for interview. Mathematics performance scores was taken from students PMR trial exam. Spearman Correlations test and Multiple Regression test was used to analyze the data. The result of the sturdy showed a significant positive correlation between the three perceptions with the mathematics performance. Students perception of their self, parent and school have a strong influences on students mathematics performance. Between the three perceptions, it shown that students perception about their self is the strongest predictor of students performance in mathematics. Result from interview with three students showed that school and student factors can influence students performance in mathematics. Two students says that school is the most important factor while the other one say that students factor is the most important factor to define students performance in mathematics.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



KANDUNGAN

| | |
|----------------|------|
| PENGAKUAN | ii |
| PENGHARGAAN | iii |
| ABSTRAK | .iv |
| ABSTRACT | v |
| KANDUNGAN | vi |
| SENARAI JADUAL | xiii |
| SENARAI RAJAH | xv |



BAB 1 PENGENALAN

| | |
|--------------------------------|----|
| 1.1 Pendahuluan | 1 |
| 1.2 Pernyataan Masalah | 5 |
| 1.3 Kerangka Konseptual Kajian | 10 |
| 1.4 Objektif Kajian | 12 |
| 1.5 Persoalan Kajian | 13 |
| 1.6 Hipotesis Kajian | 14 |
| 1.7 Batasan Kajian | 15 |





| | |
|------------------------|----|
| 1.8 Kepentingan Kajian | 17 |
| 1.9 Definisi Istilah | 18 |

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

| | |
|-----------------------------------|----|
| 2.1 Pendahuluan | 20 |
| 2.2 Pencapaian Matematik | 21 |
| 2.3 Teori Berkaitan Pencapaian | 23 |
| 2.3.1 Teori Nilai Jangkaan Eccles | 24 |
| 2.3.2 Teori Jangkaan Keluarga | 25 |
| 2.3.3 Teori Pencapaian Matlamat | 27 |
| 2.3.4 Teori Pengaruh Bertindih | 28 |
| 2.3.5 Rumusan Teori | 30 |
| 2.4 Pelajar | 31 |
| 2.4.1 Jantina | 32 |
| 2.4.2 Sikap | 35 |
| 2.4.3 Minat | 37 |
| 2.4.4 Persepsi | 38 |
| 2.4.5 Kerisauan | 40 |
| 2.4.6 Disiplin | 41 |
| 2.5 Keluarga | 42 |





| | | |
|-------|---------------------|----|
| 2.5.1 | Status Sosioekonomi | 43 |
| 2.5.2 | Sikap Ibu bapa | 46 |
| 2.5.3 | Persekitaran | 46 |
| 2.5.4 | Penglibatan | 48 |
| 2.5.5 | Faktor-faktor Lain | 49 |
| 2.6 | Sekolah | 51 |
| 2.6.1 | Guru | 52 |
| 2.6.2 | Kemudahan Sekolah | 58 |

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

| | | |
|-------|-----------------------------------|----|
| 3.1 | Pendahuluan | 60 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 61 |
| 3.3 | Populasi Kajian | 62 |
| 3.4 | Sampel Kajian | 63 |
| 3.5 | Instrumen Kajian | 65 |
| 3.5.1 | Soal Selidik | 66 |
| 3.5.2 | Temu Bual | 68 |
| 3.6 | Skala Pengukuran | 70 |
| 3.7 | Kesahan Instrumen Kajian | 71 |
| 3.8 | Kajian Rintis | 72 |
| 3.9 | Kebolehpercayaan Instrumen Kajian | 73 |





| | | |
|------|---------------------------|----|
| 3.10 | Prosedur Kajian | 75 |
| 3.11 | Analisis Data Kuantitatif | 76 |
| 3.12 | Analisis Data Kualitatif | 81 |

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

| | | |
|-----|-------------------------------|----|
| 4.1 | Pendahuluan | 83 |
| 4.2 | Kebolehpercayaan Soal Selidik | 84 |
| 4.3 | Normaliti Data | 85 |
| 4.4 | Profil Peserta | 87 |



| | | |
|-------|----------------------------|-----|
| 4.5 | Dapatan Kajian Kuantitatif | 97 |
| 4.5.1 | Pengujian Hipotesis 1 | 97 |
| 4.5.2 | Pengujian Hipotesis 2 | 98 |
| 4.5.3 | Pengujian Hipotesis 3 | 99 |
| 4.5.4 | Pengujian Hipotesis 4 | 99 |
| 4.5.5 | Pengujian Hipotesis 5 | 100 |
| 4.6 | Analisis Data Kualitatif | 103 |
| 4.6.1 | Latar Belakang Peserta | 104 |
| 4.6.2 | Faktor Pelajar | 105 |





| | | |
|---------|-----------|-----|
| 4.6.2.1 | Peserta A | 105 |
|---------|-----------|-----|

| | | |
|---------|-----------|-----|
| 4.6.2.2 | Peserta B | 106 |
|---------|-----------|-----|

| | | |
|---------|-----------|-----|
| 4.6.2.3 | Peserta C | 108 |
|---------|-----------|-----|

| | | |
|-------|-----------------|-----|
| 4.6.3 | Faktor Keluarga | 109 |
|-------|-----------------|-----|

| | | |
|---------|-----------|-----|
| 4.6.3.1 | Peserta A | 109 |
|---------|-----------|-----|

| | | |
|---------|-----------|-----|
| 4.6.3.2 | Peserta B | 110 |
|---------|-----------|-----|

| | | |
|---------|-----------|-----|
| 4.6.3.3 | Peserta C | 111 |
|---------|-----------|-----|



| | | |
|-------|----------------|-----|
| 4.6.4 | Faktor Sekolah | 111 |
|-------|----------------|-----|

| | | |
|---------|-----------|-----|
| 4.6.4.1 | Peserta A | 112 |
|---------|-----------|-----|

| | | |
|---------|-----------|-----|
| 4.6.4.2 | Peserta B | 113 |
|---------|-----------|-----|

| | | |
|---------|-----------|-----|
| 4.6.4.3 | Peserta C | 114 |
|---------|-----------|-----|

| | | |
|-------|------------|-----|
| 4.6.5 | Kesimpulan | 115 |
|-------|------------|-----|

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

| | | |
|-----|-------------|-----|
| 5.1 | Pendahuluan | 116 |
|-----|-------------|-----|

| | | |
|-----|---------|-----|
| 5.2 | Rumusan | 117 |
|-----|---------|-----|





| | |
|---|-----|
| 5.2.1 Hipotesis Pertama | 117 |
| 5.2.2 Hipotesis Kedua | 118 |
| 5.2.3 Hipotesis Ketiga | 119 |
| 5.2.4 Hipotesis Keempat | 120 |
| 5.2.5 Hipotesis Kelima | 121 |
| 5.2.6 Dapatan Kualitatif | 123 |
| 5.3 Perbincangan | 126 |
| 5.4 Sumbangan Dapatan Kajian | 133 |
| 5.5 Implikasi dan Cadangan | 134 |
| 5.6 Cadangan Kajian Lanjutan | 137 |
| RUJUKAN | 141 |
| LAMPIRAN | |
| Lampiran 1 (Surat Kebenaran BPPDP) | 152 |
| Lampiran 2 (Surat Kebenaran JPN Selangor) | 153 |
| Lampiran 3 (Surat Pelantikan Penyelia) | 154 |
| Lampiran 4 (Instrumen Kajian) | 155 |
| Lampiran 5 (Kriteria Instrumen Kajian) | 160 |
| Lampiran 6 (Soalan Temu Bual) | 163 |



**Lampiran 7 (Analisa Data SPSS)** 164**A** **Kaedah Pemisahan Separa** 164**B** **Nilai Alpha Crombach** 164**C** **Nilai Alpha Crombach untuk Kajian Sebenar** 165**D** **Normaliti Data** 166**E** **Profil Responden** 167**F** **Hipotesis 1** 171**G** **Hipotesis 2** 172**H** **Hipotesis 3** 172**I** **Hipotesis 4** 173**J** **Hipotesis 5** 173**Lampiran 8 (Skrip Temu Bual Peserta)** 174**A** **Peserta A** 174**B** **Peserta B** 180**C** **Peserta C** 181



SENARAI JADUAL

| | | |
|------------|--|----|
| Jadual 1.1 | Peratus Pencapaian Gred Matematik PMR 2009 Negeri Selangor | 7 |
| Jadual 1.2 | Keputusan PMR Matematik Mengikut Daerah Negeri Selangor | 8 |
| Jadual 3.1 | Populasi Pelajar Tingkatan 4 di Daerah Hulu Selangor | 63 |
| Jadual 3.2 | Senarai Sekolah Mengikut Zon di Daerah Hulu Selangor | 64 |
| Jadual 3.3 | Bilangan Sampel Kajian Mengikut Sekolah | 65 |
| Jadual 3.4 | Perincian Soal Selidik | 67 |
| Jadual 3.5 | Perincian Skala Likert | 68 |
| Jadual 3.6 | Tahap Pencapaian Matematik | 68 |
| Jadual 3.7 | Skala Pengukuran Bagi Pemboleh Ubah Kajian | 71 |
| Jadual 3.8 | Nilai Alpha Crombach Bagi Kajian Rintis | 75 |
| Jadual 3.9 | Kekuatan Nilai Pekali Korelasi | 80 |
| Jadual 4.1 | Nilai Alpha Crombach Bagi Kajian Sebenar | 85 |
| Jadual 4.2 | Min, Sisihan Piawai, Kepencongan dan Kecerunan Bagi Pemboleh Ubah Kajian | 86 |
| Jadual 4.3 | Bilangan Responden Mengikut Jantina | 87 |
| Jadual 4.4 | Bilangan Responden Mengikut Kaum | 88 |
| Jadual 4.5 | Bilangan Responden Mengikut Gred Pencapaian Matematik PMR | 89 |





| | | |
|-------------|--|-----|
| Jadual 4.6 | Bilangan Responden Mengikut Tahap Pendidikan Ibu | 90 |
| Jadual 4.7 | Bilangan Responden Mengikut Tahap Pendidikan Bapa | 91 |
| Jadual 4.8 | Bilangan Responden Mengikut Tahap Pendapatan Keluarga | 92 |
| Jadual 4.9 | Bilangan Responden Mengikut Jumlah Adik-beradik | 93 |
| Jadual 4.10 | Bilangan Responden Mengikut Pekerjaan Ibu | 95 |
| Jadual 4.11 | Bilangan Responden Mengikut Pekerjaan Bapa | 96 |
| Jadual 4.12 | Korelasi Pearson: Hubungan Antara Persepsi Pelajar terhadap Diri Sendiri Dengan Pencapaian Matematik | 97 |
| Jadual 4.13 | Korelasi Pearson: Hubungan Antara Persepsi Pelajar terhadap Keluarga Dengan Pencapaian Matematik | 98 |
| Jadual 4.14 | Korelasi Pearson: Hubungan Antara Persepsi Pelajar terhadap Sekolah Dengan Pencapaian Matematik | 99 |
| Jadual 4.15 | Korelasi Pearson: Hubungan Antara Persepsi Pelajar Terhadap Diri Sendiri, Keluarga dan Sekolah Dengan Pencapaian Matematik | 100 |
| Jadual 4.16 | Perincian Model(b) | 101 |
| Jadual 4.17 | Perincian Pekali(a) | 102 |
| Jadual 4.18 | Pemboleh Ubah Dikeluarkan(b) | 102 |
| Jadual 5.1 | Ringkasan Keputusan Ujian Hipotesis | 123 |
| Jadual 5.2 | Analisa Merentas Peserta | 124 |





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI RAJAH

| | | |
|-----------|--|----|
| Rajah 1.1 | Kerangka Konseptual Kajian..... | 12 |
| Rajah 2.1 | Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar..... | 31 |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

| | |
|-------|--|
| BPPDP | Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan |
| JPN | Jabatan Pelajaran Negeri |
| KPM | Kementerian Pelajaran Malaysia |
| NKRA | National Key Result Area |
| PPD | Pejabat Pelajaran Daerah |
| PIPP | Pelan Induk Pembangunan Pendidikan |
| SPM | Sijil Pelajaran Malaysia |



05 SPSS 2

Statistical Packages for Social Science
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

| | |
|-------|--|
| STPM | Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia |
| TAKS | Texas Assessment of Knowledge and Skills |
| TIMSS | Trends In Mathematics and Science Study |
| UPSR | Ujian Pencapaian Sekolah Rendah |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

LATAR BELAKANG KAJIAN



1.1 Pendahuluan

Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang pesat membangun dan menuju ke arah negara maju menjelang 2020. Untuk merealisasikan hasrat tersebut negara memerlukan ramai pakar dalam bidang sains dan teknologi. Bidang ini memerlukan mereka yang berkebolehan mengaplikasikan dan menilai maklumat. Selaras dengan hasrat tersebut, kerajaan menerusi Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menetapkan misi untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001a):





“Membangunkan sistem pendidikan yang berkualiti dan bertaraf dunia bagi memperkembangkan potensi individu sepenuhnya dan memenuhi aspirasi negara Malaysia” (halaman 3)

Bagi menjadikan sistem pendidikan di Malaysia berkualiti dan bertaraf dunia, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menetapkan beberapa matlamat yang perlu dicapai. Antaranya ialah melahirkan rakyat Malaysia yang taat setia dan bersatu padu, melahirkan insan yang beriman, berakhhlak mulia, berilmu, berketerampilan dan sejahtera. menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan kemajuan negara, dan memberi peluang-peluang pendidikan kepada semua warganegara Malaysia.

Bagi merealisasikan generasi yang mampu menguasai bidang sains dan teknologi, kerajaan telah memperkenalkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1982 dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1988. Bidang sains dan teknologi diberi penekanan dalam KBSR dan KBSM. Mata pelajaran sains dan matematik dijadikan sebagai mata pelajaran teras di peringkat sekolah menengah.

Matematik merupakan antara mata pelajaran teras yang penting dalam KBSM. Keupayaan pelajar menguasai matematik membolehkan mereka menguasai mata pelajaran lain. Penguasaan dalam bidang matematik berperanan penting bagi melahirkan generasi yang mampu menguasai bidang sains dan teknologi (Noor Hazani, 1995). Seorang pelajar yang dapat menguasai ilmu matematik juga boleh meneroka dan menguasai ilmu-ilmu dalam bidang sains dan teknologi, kejuruteraan, perubatan, ekonomi, komputer dan sebagainya. Kenyataan ini ditegaskan dalam Sukatan Pelajaran KBSM Matematik seperti berikut (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000):





“Matematik merupakan jentera atau penggerak kepada pembangunan dan perkembangan dalam bidang sains dan teknologi. Dengan itu penguasaan ilmu matematik perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi menyediakan tenaga kerja yang sesuai dengan perkembangan dan keperluan membentuk sebuah negara maju. Selaras dengan hasrat untuk mewujudkan sebuah negara yang berorientasikan ekonomi berasaskan pengetahuan, kemahiran penyelidikan dan pembangunan dalam bidang matematik perlu dibina dari peringkat sekolah”. (Halaman 1)

Matematik merupakan alat yang penting dalam kehidupan manusia (Nik Azis, 2008). Ilmu-ilmu dalam bidang matematik telah menjadi sebahagian dalam kehidupan seharian manusia. Ilmu ini berkembang seiring dengan perkembangan tamadun manusia. Penguasaan dalam bidang ini memberi peluang untuk menguasai bidang-bidang ilmu yang lain. Penguasaan ilmu matematik perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi menyediakan tenaga kerja yang sesuai dengan perkembangan dan keperluan membentuk sebuah negara maju (KPM, 2001a).



Di Malaysia penguasaan kemahiran-kemahiran asas dalam matematik mula diperkenalkan di peringkat sekolah rendah lagi. Kemahiran-kemahiran asas dalam bidang nombor, ukuran, bentuk dan ruang serta statistik mula diperkenalkan dalam KBSR. Ini membolehkan murid di peringkat rendah mempelajari kemahiran-kemahiran asas dan memperoleh pengetahuan yang bersesuaian dengan tahap kemampuan mereka.

Di peringkat sekolah menengah pula, KBSM diperkenalkan sebagai turutan kepada KBSR. Matematik KBSM memfokuskan kepada tiga bidang utama iaitu nombor, bentuk dan ruang dan perkaitan. Bidang-bidang ini diperkenalkan di peringkat sekolah menengah bertujuan untuk membentuk individu yang berpemikiran matematik dan berketerampilan, mengaplikasikan pengetahuan matematik dengan





berkesan dan bertanggungjawab dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan (KPM, 2000).

Usaha yang berterusan terutamanya dari KPM tidak boleh dinafikan. Perubahan dalam kurikulum matematik sentiasa menjadi perhatian pihak kementerian. Perubahan ini adalah selaras dengan perkembangan sains dan teknologi. Mulai tahun 2011, KPM telah memperkenalkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bagi murid-murid tahun satu. Bagi mata pelajaran matematik, matlamat KSSR adalah untuk membina asas dalam pengiraan, memahami idea matematik yang mudah dan berketerampilan mengaplikasikan pengetahuan serta kemahiran matematik secara berkesan dan bertanggungjawab dalam kehidupan seharian (KPM, 2010).



Segala usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan adalah untuk memastikan pelajar memperoleh keputusan atau pencapaian yang baik di dalam aktiviti pembelajaran mereka. Pencapaian yang baik di dalam ujian atau peperiksaan terutamanya dalam mata pelajaran matematik akan memberi peluang kepada mereka untuk meneroka bidang-bidang ilmu yang lain. Namun, pada hakikatnya pencapaian akademik pelajar di Malaysia terutamanya dalam matematik masih di tahap yang sederhana. Pencapaian Malaysia terutamanya dalam mata pelajaran Matematik menunjukkan penurunan berbanding Singapura dan Hong Kong semenjak beberapa tahun kebelakangan ini (Norliza Zakuan, 2010).





1.2 Pernyataan Masalah

Bagi merealisasikan matlamat sebagai sebuah negara maju menjelang 2020, banyak program telah dirancang dan dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Pelajaran Negeri. Ini bagi meningkatkan minat, sikap, persepsi dan motivasi pelajar terhadap mata pelajaran matematik, seterusnya meningkatkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan yang diduduki. Sebagai contoh Kementerian Pelajaran mewujudkan program Gerak Gempur untuk meningkatkan pencapaian matematik. Manakala di peringkat Jabatan Pelajaran Negeri dianjurkan kursus peningkatan profesionalisme bagi guru-guru bertujuan memperbaiki mutu pengajaran dan pembelajaran mereka di sekolah. Di peringkat sekolah pula pelbagai aktiviti dan program dilaksanakan seperti Klinik Matematik, Kem Matematik, dan Doktor Muda Matematik.



Semua program-program yang dinyatakan di atas adalah bertujuan untuk memastikan pelajar mendapat input yang sepenuhnya dalam bidang matematik. Diharapkan program-program tersebut dapat meningkatkan prestasi dan pencapaian pelajar dalam ujian dan peperiksaan yang diadakan di peringkat sekolah dan awam.

Salah satu daripada matlamat utama sistem pendidikan ialah agar pelajar mendapat pencapaian akademik yang cemerlang. Oleh yang demikian, pelajar harus mempunyai keupayaan untuk lulus cemerlang dalam mata pelajaran yang diambil semasa peperiksaan. Walaupun dilihat terdapat pelajar yang mencapai tahap yang membanggakan, tetapi masih terdapat pelajar yang ketinggalan dalam subjek





Matematik. Pelajar mempunyai peranan utama dalam menentukan kecemerlangan prestasi mereka dalam peperiksaan.

Program dan aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan oleh pelbagai pihak di bidang pendidikan menampakkan hasilnya. Contohnya kejayaan yang ditunjukkan oleh Sekolah Cempaka dalam pertandingan Matematik Sedunia (Utusan Malaysia, 2011, Julai 6, halaman 4). Sekolah Cempaka mengekalkan kejuaraan ini selama tiga tahun berturut-turut, bermula dari tahun 2009. Beberapa orang pelajar yang menyertai pertandingan ini menyatakan bahawa guru-guru sekolah mereka telah bertungkus-lumus mencipta yang teknik berkesan untuk menjawab soalan matematik yang dikemukakan. Dengan kaedah yang digunakan ini, mereka berjaya menjawab soalan yang dikemukakan dengan mudah, tepat dan pantas.



Berbeza pula dengan dapatan Kajian “*Trends in Mathematics and Science Studies*” (KPM, 2004), yang menunjukkan prestasi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran matematik mengalami penurunan yang signifikan dari tahun 1999 hingga ke tahun 2007. Bagi tahun 1999, skor pelajar Malaysia ialah 519. Manakala bagi tahun 2003 ialah 508 dan bagi tahun 2007 ialah 474. Bagi kajian TIMSS 2007, didapati 20 % pelajar Tingkatan Dua Malaysia tidak mencapai tahap minimum yang ditetapkan untuk mata pelajaran Matematik. Hasil analisis data menunjukkan terdapat banyak faktor yang menyebabkan penurunan prestasi pelajar Tingkatan Dua. Antaranya ialah faktor jantina, bahasa pertuturan di rumah, jangkaan tahap pendidikan ibu bapa, latar belakang keluarga, kemudahan pembelajaran di rumah, sokongan dan sebagainya.





Prestasi yang baik juga dicatatkan oleh pelajar-pelajar di negeri Selangor (Jabatan Pelajaran Selangor, 2011). Bagi peperiksaan PMR, pelajar yang mendapat gred A dalam mata pelajaran matematik meningkat dari tahun ke tahun. Bagi tahun 2008, seramai 23347 orang pelajar mendapat A dalam mata pelajaran matematik. Ini meningkat kepada 24682 orang pelajar bagi tahun 2009. Manakala bagi tahun 2010, seramai 26019 orang pelajar mendapat A dalam matematik.

Walaupun berlaku peningkatan pelajar yang mendapat A dalam matematik di negeri Selangor, masih ramai juga pelajar yang mendapat gred E untuk mata pelajaran ini. Terdapat seramai 8325 orang pelajar yang mendapat gred E pada tahun 2008, 6676 orang pelajar pada tahun 2009 dan 6092 orang pelajar bagi tahun 2010.



Jadual 1.1

Peratus Pencapaian Gred Matematik PMR 2009 Negeri Selangor

| MATA PELAJARAN | GRED A | | | MINIMA ‘D’ | | |
|-------------------|--------------|---------------------|---------------|--------------|---------------------|---------------|
| | Bil Calon | % Negeri 2009 | % Nasional | Bil Calon | % Negeri 2009 | % Nasional |
| Matematik | 24682 | 33.42 | 26.7 | 67169 | 90.96 | 90.1 |

Sumber : Jabatan Pelajaran Negeri Selangor (2011)

Jadual 1.1 di atas menunjukkan peratus pencapaian gred bagi mata pelajaran matematik PMR bagi tahun 2009 di negeri Selangor. Bagi tahun tersebut, seramai 73845 orang pelajar menduduki Penilaian Menengah Rendah di negeri Selangor. Daripada data tersebut, kita boleh menyatakan bahawa hanya 24682 orang pelajar atau 33.42% sahaja yang mendapat gred A dalam matematik PMR. Manakala seramai



67169 orang pelajar atau 90.96% mendapat minima gred D. 9.04 % orang pelajar mendapat gred E pada peperiksaan tahun tersebut.

Jadual 1.2

Keputusan PMR Matematik mengikut daerah bagi negeri Selangor

| Daerah | 2010 | | | 2009 | | | 2008 | | |
|------------------|-----------|---------|---------|-----------|---------|---------|-----------|---------|---------|
| | Jum Calon | % Lulus | % Gagal | Jum Calon | % Lulus | % Gagal | Jum Calon | % Lulus | % Gagal |
| Petaling Utama | 7197 | 93.30 | 6.70 | 7330 | 93.45 | 6.55 | 7332 | 91.00 | 9.00 |
| Petaling Perdana | 13547 | 93.19 | 6.81 | 13172 | 92.49 | 7.51 | 12435 | 90.38 | 9.62 |
| Sepang | 2430 | 92.51 | 7.49 | 2020 | 90.94 | 9.06 | 2091 | 88.90 | 11.10 |
| Hulu Langat | 13984 | 92.36 | 7.64 | 13810 | 91.73 | 8.27 | 13140 | 89.29 | 10.71 |
| Gombak | 10945 | 92.69 | 7.31 | 10902 | 90.70 | 9.30 | 10888 | 88.65 | 11.35 |
| Sabak Bernam | 2876 | 92.56 | 7.44 | 2916 | 89.03 | 10.97 | 2872 | 89.35 | 10.65 |
| Klang | 12691 | 90.13 | 9.87 | 12378 | 89.91 | 10.09 | 12041 | 86.11 | 13.89 |
| Hulu Selangor | 3665 | 91.21 | 8.79 | 3502 | 89.32 | 10.68 | 3380 | 88.43 | 11.57 |
| Kuala Selangor | 4142 | 89.55 | 10.45 | 3935 | 88.41 | 11.59 | 3930 | 84.71 | 15.29 |
| Kuala Langat | 4036 | 89.70 | 10.30 | 3940 | 87.99 | 12.01 | 4007 | 84.45 | 15.55 |
| Jumlah | 75515 | 91.93 | 8.07 | 73845 | 90.96 | 9.04 | 72116 | 88.46 | 11.54 |

Sumber : (Jabatan Pelajaran Negeri Selangor 2011)

Jadual 1.2 menunjukkan peratus lulus dan peratus gagal bagi mata pelajaran matematik di peringkat PMR mengikut daerah di negeri Selangor. Berdasarkan maklumat tersebut, didapati daerah Hulu Selangor berada dalam kelompok empat buah daerah terbawah dalam pencapaian matematik PMR.

Prestasi rendah dalam mata pelajaran matematik PMR yang ditunjukkan oleh pelajar-pelajar di daerah Hulu Selangor telah menarik minat pengkaji untuk melihat dan mengenal pasti apakah faktor-faktor yang menyebabkan keadaan ini. Pengkaji ingin melihat apakah persepsi pelajar terhadap pembelajaran matematik mereka dan kesannya ke atas pencapaian akademik mereka.



Banyak aspek yang mungkin boleh mempengaruhi prestasi dan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran matematik. Antaranya ialah yang berkaitan dengan persepsi, minat, sikap, jantina, latar belakang keluarga, persekitaran, guru, sekolah dan motivasi. Aspek-aspek yang dinyatakan di atas mempunyai hubungan yang rapat dengan pencapaian akademik pelajar.

Pencapaian pelajar dalam mata pelajaran matematik dipengaruhi oleh tiga faktor (Baharuddin et al, 2002). Individu, ibu bapa dan sekolah merupakan tiga komponen yang mempunyai pengaruh yang kuat ke atas pencapaian matematik pelajar. Tiga faktor ini memberi kesan yang sangat signifikan ke atas pelajar. Faktor pelajar atau individu merupakan faktor utama yang mempengaruhi prestasi pelajar. Salah satu punca yang menyebabkan pelajar lemah dalam pencapaian matematik adalah kerana mereka tidak menghafal sifir yang diperlukan. Selain dari itu tabiat belajar seorang pelajar juga dikatakan mempengaruhi pencapaian matematiknya. Sabri Ahmad (2006) menyatakan bahawa perbezaan jantina, neuropsikologi, strategi pengajaran dan sikap merupakan faktor penentu ke atas prestasi pelajar.

Keluarga juga menjadi antara faktor kelemahan pencapaian pelajar dalam matematik. Faktor ini termasuklah pendapatan keluarga, saiz keluarga, tahap pendidikan ahli keluarga dan kemudahan pembelajaran di rumah (Wan Phen, 2003). Rumah merupakan tempat bermulanya proses pembelajaran. Ibu bapa sebagai peneraju keluarga memainkan peranan penting dalam pencapaian anak-anak mereka. Keluarga yang mempunyai masalah akan memberi kesan ke atas pembelajaran anak-anak mereka.





Kelemahan pelajar dalam prestasi akademik mereka mungkin juga berpunca daripada kelemahan pihak sekolah. Guru, kakitangan dan kemudahan sekolah merupakan antara komponen dalam sekolah yang memberi kesan ke atas pencapaian matematik pelajar. Pendidikan matematik di sekolah yang tidak menyeronokkan, sukar difahami dan tidak tahu tentang penggunaannya dalam kehidupan seharian pelajar untuk masa depan merupakan masalah yang diluahkan oleh kebanyakan pelajar (Sabri Ahmad et al, 2006). Ini menjadi punca kegagalan yang tinggi di kalangan pelajar dalam mata pelajaran matematik.

Berdasarkan kepada pernyataan masalah yang diterangkan di atas, pengkaji merasakan adanya keperluan untuk melihat pencapaian akademik pelajar dalam matematik dari perspektif pelajar itu sendiri. Persepsi dan pandangan pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran matematik perlu diberi perhatian. Oleh itu kajian ini akan melihat persepsi pelajar terhadap diri, keluarga dan sekolah serta hubungannya dengan pencapaian dalam mata pelajaran mereka.

1.3 Kerangka Konseptual Kajian

Bagi tujuan kajian ini, pengkaji telah membentuk satu kerangka konseptual berlandaskan kepada beberapa teori yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh dalam bidang pendidikan. Kerangka yang dibentuk adalah berdasarkan Teori Nilai Jangkaan Eccles, Teori Jangkaan Keluarga, Teori Pencapaian Matlamat dan Teori Pengaruh Bertindih. Keempat-empat teori ini menerangkan hujah bagi menyatakan pendirian






tentang pencapaian akademik pelajar dan hubung kaitnya dengan diri pelajar, keluarga dan sekolah.

Teori Nilai Jangkaan Eccles memberi penekanan ke atas faktor individu dan situasi sosial yang memberi kesan secara langsung ke atas pencapaian akademik pelajar. Teori Jangkaan Keluarga pula memfokuskan kepada peranan keluarga dalam membentuk situasi pembelajaran yang sesuai untuk anak-anak mereka. Keluarga mempunyai peranan yang sangat besar dalam menentukan kejayaan prestasi akademik pelajar. Teori Pencapaian Matlamat membincangkan kepentingan hubungan antara pelajar dengan sekolah bagi mencapai matlamat yang disasarkan. Sebarang pencapaian matlamat adalah berdasarkan kepada kerjasama antara sekolah dengan pelajar. Teori Pengaruh Bertindih pula membincangkan tentang keluarga dan sekolah.

Teori ini menyatakan bahawa sekolah dan keluarga mempunyai matlamat dan kepentingan yang sama ke atas pelajar.

Setelah meneliti keempat-empat teori di atas, pengkaji telah merangka satu model ringkas yang dapat menggambarkan kerangka konseptual bagi kajian ini. Pengkaji mendapati terdapat tiga komponen utama yang boleh mempengaruhi pencapaian matematik pelajar iaitu diri sendiri, keluarga dan sekolah. Dalam setiap komponen utama tersebut, terdapat pula komponen-komponen lain yang ada kesannya ke atas pencapaian matematik pelajar. Ketiga-tiga komponen utama dan perinciannya telah digambarkan dalam Rajah 1.1 di bawah.





Rajah 1.1
Kerangka Konseptual Kajian

Dalam Rajah 1.1 yang ditunjukkan di atas, pelajar, keluarga dan sekolah merupakan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah tidak bersandar yang boleh memberi kesan ke atas pencapaian matematik pelajar. Manakala pencapaian matematik pelajar adalah pemboleh ubah bersandar yang menerima kesan daripada perubahan dalam tiga komponen utama yang dinyatakan di atas.

1.4 Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat persepsi pelajar terhadap pembelajaran matematik. Persepsi pelajar dikategorikan kepada tiga komponen iaitu persepsi pelajar terhadap diri sendiri, persepsi pelajar terhadap keluarga dan persepsi pelajar terhadap sekolah. Seterusnya kajian ini juga ingin melihat tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran matematik di peringkat PMR. Akhir sekali pengkaji ingin mengetahui sama



ada persepsi pelajar terhadap diri sendiri, keluarga dan sekolah mempunyai hubungan atau tidak dengan pencapaian mereka dalam mata pelajaran matematik. Selain mengetahui persepsi pelajar, pengkaji juga ingin mendapatkan pandangan daripada pelajar tentang faktor-faktor utama yang boleh mempengaruhi pencapaian mereka dalam matematik.

Secara khusus objektif kajian adalah seperti berikut.

1. Untuk melihat persepsi pelajar terhadap diri sendiri, keluarga dan sekolah serta hubungannya dengan pencapaian mereka dalam mata pelajaran matematik di kalangan pelajar Tingkatan Empat di Daerah Hulu Selangor.
2. Untuk menentukan hubungan di antara persepsi pelajar terhadap diri sendiri dengan pencapaian mereka di dalam mata pelajaran matematik.
3. Untuk menentukan hubungan di antara persepsi pelajar terhadap keluarga dengan pencapaian mereka di dalam mata pelajaran matematik.
4. Untuk menentukan hubungan di antara persepsi pelajar terhadap sekolah dengan pencapaian mereka di dalam mata pelajaran matematik.
5. Untuk menentukan persepsi yang memberi sumbangan besar ke atas pencapaian pelajar di dalam mata pelajaran matematik.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif-objektif kajian yang dikemukakan, berikut adalah persoalan kajian yang diharapkan mampu dijawab di dalam kajian ini:





1. Adakah persepsi pelajar terhadap diri sendiri mempunyai hubungan dengan pencapaian mereka di dalam mata pelajaran matematik?
 2. Adakah persepsi pelajar terhadap keluarga mempunyai hubungan dengan pencapaian mereka di dalam mata pelajaran matematik?
 3. Adakah persepsi pelajar terhadap sekolah mempunyai hubungan dengan pencapaian mereka di dalam mata pelajaran matematik?
 4. Adakah persepsi pelajar terhadap diri sendiri, keluarga dan sekolah mempunyai hubungan dengan pencapaian mereka di dalam mata pelajaran matematik?
 5. Antara ketiga-tiga persepsi (diri sendiri, keluarga dan sekolah), persepsi yang manakah yang memberi sumbangan yang besar ke atas pencapaian pelajar di dalam mata pelajaran matematik?
6. Apakah faktor-faktor utama yang boleh mempengaruhi pencapaian pelajar di dalam mata pelajaran matematik?

1.6 Hipotesis Kajian

Berikut adalah hipotesis yang telah ditetapkan oleh pengkaji bagi menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan.

Hipotesis Null 1 (H_0 1) : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara persepsi pelajar terhadap diri sendiri dengan pencapaian di dalam mata pelajaran matematik.





- Hipotesis Nol 2 (Ho 2) :Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara persepsi pelajar terhadap keluarga dengan pencapaian di dalam mata pelajaran matematik.
- Hipotesis Nol 3 (Ho 3) :Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara persepsi pelajar terhadap sekolah dengan pencapaian di dalam mata pelajaran matematik.
- Hipotesis Nol 4 (Ho 4) :Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara ketiga-tiga persepsi (diri sendiri, keluarga dan sekolah) dengan pencapaian di dalam mata pelajaran matematik.
- Hipotesis Nol 5 (Ho 5) :Tidak ada persepsi yang kuat di antara ketiga-tiga persepsi (diri sendiri, keluarga dan sekolah) yang mempengaruhi pencapaian di dalam mata pelajaran matematik.



1.7 Batasan Kajian

Seperti kajian-kajian lain, kajian ini hanya memfokuskan kepada kumpulan khusus sebahagian pelajar Tingkatan Empat di daerah Hulu Selangor. Kemungkinan terdapat pandangan dan persepsi yang berbeza di kalangan pelajar yang dipilih untuk kajian ini. Oleh itu dapatan kajian tidak boleh menggambarkan keseluruhan pelajar tingkatan empat di Malaysia mahupun di negeri Selangor.

Populasi bagi kajian ini ialah pelajar-pelajar Tingkatan Empat di sekolah menengah kebangsaan di Daerah Hulu Selangor. Manakala sampel bagi kajian adalah pelajar-pelajar Tingkatan Empat dari empat buah sekolah menengah kebangsaan di





daerah Hulu Selangor yang dipilih secara rawak daripada empat belas buah sekolah menengah kebangsaan. Dalam membincangkan keputusan kajian, batasan perbincangan akan dihadkan kepada pelajar-pelajar Tingkatan Empat di daerah Hulu Selangor sahaja.

Pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini ialah pencapaian pelajar di dalam mata pelajaran matematik. Pencapaian ini diukur berdasarkan kepada markah keputusan Percubaan Penilaian Menengah Rendah bagi mata pelajaran Matematik yang telah diduduki oleh pelajar Tingkatan Empat pada tahun sebelumnya. Dalam kajian ini terdapat tiga pemboleh ubah tidak bersandar iaitu persepsi pelajar terhadap diri sendiri, persepsi pelajar terhadap keluarga dan persepsi pelajar terhadap sekolah.

Kajian ini hanya mengehadkan kepada tiga pemboleh ubah tidak bersandar ini sahaja.



Dalam kajian ini penyelidik akan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian bagi menentukan hubungan di antara persepsi pelajar terhadap diri sendiri, keluarga dan sekolah dengan pencapaian dalam mata pelajaran matematik. Soal selidik merupakan kaedah yang paling sesuai untuk mengetahui persepsi pelajar terhadap sesuatu perkara. Kajian ini juga akan menggunakan kaedah temu bual untuk mendapatkan pandangan dan pendapat pelajar tentang faktor-faktor yang boleh mempengaruhi pencapaian mereka dalam mata pelajaran matematik.





1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Oleh kerana kajian ini adalah mengenai persepsi pelajar terhadap diri sendiri, keluarga dan sekolah dan hubungannya dengan pencapaian dalam mata pelajaran matematik, maka ianya boleh dijadikan sebagai panduan dan rujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam sistem pendidikan di Malaysia. Secara khusus, kepentingan kajian ini adalah seperti berikut.

1. Dapat menjadi panduan kepada pelajar untuk mengetahui persepsi mereka terhadap diri sendiri, keluarga dan sekolah dan kaitannya dengan pencapaian mereka di dalam sesuatu mata pelajaran.
2. Sebagai panduan kepada ibu bapa dalam menentukan perancangan yang terbaik kepada pendidikan anak-anak mereka.
3. Membantu pihak guru dan pentadbir sekolah merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Berdasarkan dapatan kajian ini pihak sekolah boleh menentukan strategi, teknik dan kaedah yang bersesuaian dengan pelajar-pelajar mereka.
4. Dapatan kajian ini dapat membantu pihak Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran Malaysia amnya. Dapatan kajian ini mungkin berguna kepada pihak-pihak tersebut bagi menentukan tahap persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran matematik di sekolah.





1.9 Definasi Istilah

Dalam kajian ini beberapa istilah digunakan untuk menerangkan maksud yang tersendiri. Istilah-istilah ini digunakan bertujuan memperjelaskan penerangan tentang sesuatu perkara.

Persepsi Pelajar

Persepsi merujuk kepada gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran seseorang. Ia juga membawa maksud pandangan atau tanggapan (Kamus Dewan, 2005). Dalam konteks kajian ini persepsi pelajar membawa maksud pandangan dan tanggapan pelajar terhadap komponen-komponen yang boleh mempengaruhi pencapaian mereka



Pencapaian Matematik

Pencapaian matematik bermaksud tahap penguasaan pelajar dalam mata pelajaran matematik. Pencapaian ini dinilai berdasarkan markah yang diperoleh oleh pelajar tingkatan empat dalam peperiksaan percubaan Penilaian Menengah Rendah bagi mata pelajaran matematik.

Diri Pelajar

Diri dimaksudkan sebagai batang tubuh, orang seorang atau empunya badan (Kamus Dewan, 2005). Bagi kajian ini diri dimaksudkan sebagai tuan punya tubuh badan. Diri pelajar yang dikaji dalam kajian ini ialah sikap, persepsi, jantina dan bangsa.





Keluarga

Keluarga boleh dimaksudkan sebagai isi rumah yang terdiri daripada suami, isteri dan anak-anak. Keluarga juga boleh diertikan sebagai satu kumpulan orang yang tinggal bersama atas dasar persaudaraan. Untuk kajian ini keluarga ialah tempat di mana pelajar tinggal dan berkomunikasi bersama atas ikatan persaudaraan.

Sekolah

Menurut Kamus Dewan, sekolah ialah tempat untuk belajar dan mengajar. Sekolah merupakan sebuah tempat di mana proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Bagi maksud kajian ini sekolah dimaksudkan sebagai tempat di mana pelajar memperoleh kemahiran dan ilmu pengetahuan.

